

PM minta warga pendidik segera dapatkan suntikan dos

Bera: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meminta warga pendidik memikul tanggungjawab dan segera mengambil vaksin COVID-19 demi perlindungan diri dan pelajar.

Perdana Menteri berkata, keengganan guru mendapatkan vaksin meningkatkan risiko jangkitan di sekolah kerana mereka bakal bersemuka dengan pelajar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kelas.

“Guru bertanggungjawab menjaga nyawa pelajar dan saya berharap guru yang belum divaksin berbuat demikian segera,” katanya yang juga Ahli Parlimen Bera pada majlis penyerahan peranti komputer kepada pelajar kawasan Parlimen berkenaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bera, Bandar 32, di sini, semalam.

Menegaskan arahan agar guru serta rakyat yang layak men-

dapatkan vaksin selari dengan prinsip dan ajaran Islam sebagai langkah menjaga kepentingan awam, beliau berkata, COVID-19 akan terus wujud di dunia dan suntikan vaksin sebahagian daripada usaha mengelak jangkitan wabak itu.

“Walaupun vaksin lengkap, ia bukan tiket untuk bebas daripada jangkitan, tetapi kajian mendapati risiko jangkitan dalam kalangan penerima imuni-

sasi COVID-19 amat rendah. Warga pendidik perlu mendapat vaksin kerana mereka akan bersemuka dengan pelajar di sekolah dan (tidak divaksin) mampu memberi kesan buruk, bukan sahaja kepada pelajar tetapi rakan sejawat,” katanya.

Katanya, arahan Kementerian Pendidikan supaya setiap guru mendapatkan vaksin adalah tepat kerana tindakan itu usaha mengurangkan risiko jangkitan

dalam kalangan pendidik dan pelajar, malah Arab Saudi turut menetapkan syarat setiap jemaah haji dan umrah wajib disuntik lengkap dua dos vaksin untuk menunaikan ibadah itu.

“Masyarakat tidak harus terpengaruh dengan pelbagai dakwah kononnya penerima vaksin berdepan pelbagai risiko, tetapi perlu melihat kepada kesan positif penerima imunisasi lengkap COVID-19,” katanya.

BH - 18/10/2021 m/s: 3